

ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN

ISSN 2735-0525

EDISI 2, 2021



**TAKOYAKI
CHEF TAKO**

**MATA WANG
KRIPTO**

APA YANG PERLU KITA TAHU?

**TREND
PEMASARAN DAN
LUBUK DUIT**

**EPIDEMIK, ENDEMIK DAN
PANDEMIK**

Fahami Perbezaannya

ASPIRASI FPP

Edisi 2, 2021

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan, MALAYSIA
Tel : 606-4832100, Faks : 606-4842449

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

PENAFIAN: Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

ISSN : 2735-0525

Perpustakaan Negara Malaysia

Majalah ini diterbitkan dua kali setahun

©2021 Hakcipta Terpelihara

Isi Kandungan

Nota Editor

1 Aspirasi

Takoyaki Chef Tako

6 Pengurusan dan Strategi

Pelan Pemulihan Industri
Pelancongan

10 Kepimpinan

Shopee: Empayar Perniagaan
E-dagang Masa Kini

13 Pembangunan Diri

Tingkatkan Produktiviti Diri
Dengan 5 Aplikasi Mudah Alih

15 Ekonomi

Peranan Politik Dan Kadar
Vaksin Dalam Membantu
Pemulihan Ekonomi Negara

18 Idea Perniagaan

Mampukah Kelestarian
Keusahawanan Perniagaan Pks
Dalam Era Pandemik Covid-19
Dicapai?

24 Kewangan dan Pelaburan

Mata Wang Kripto: Apa
Yang Perlu Kita Tahu

28 Media Sosial

Trend Pemasaran Dan
Lubuk Duit

32 Teknologi

Digital Ekonomi

35 Umum

Epidemik, Endemik Dan
Pandemik
Fahami Perbezaannya

40 Penulis Jemputan

Ekonomi Jalan Intipati
Kesejahteraan Ekonomi
Rakyat

43 Pencapaian

Fakulti

56 Aktiviti Fakulti



SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Dr. Yamin Yasin

Penasihat

Dr. Noorlis Ahmad

Dr. Siti Sara Ibrahim

Pengerusi

Dr. Wan Normila Mohamad

Ketua Editor

Nur Fadhlina Zainal Abedin

Editor

Nooraza Tukiran

Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli

Dr. Wan Normila Mohamad

Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku
Sulaiman

Setiausaha

Dr. Jamilah Mohd Mahyideen

Hafisah Yaakob

Hilwana Abd Karim

Kewangan

Mohd Elfee Ab Rashid

Penerbitan

Dr. Nurazilah Zainal

Penyunting Bahasa

Nur Alia Amirnordin

Maziah Mohamed Arif

Iskandar Ariffin

Zaidatulhusna Mohd Isnani

Datin Maria Kamarulzaman

Reka Bentuk & Grafik

Nur Fadhlina Zainal Abedin

Komunikasi

Zarifah Fadilah Ramli

Norhaniza Md Akhir

Percetakan

Habsah Kasim

Bashir Ahmad Shabir Ahmad



Nota Editor

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, dengan izinNya Aspirasi FPP Edisi 2, 2021 dapat diterbitkan sekali lagi. Setiap edisi kedua pada penghujung tahun amat mencabar dek kekangan tugas hakiki dan projek-projek tahunan yang perlu disiapkan pada masa yang sama. Terima kasih kepada semua sidang redaksi dan penulis-penulis artikel atas kerjasama baik sepanjang proses penerbitan berjalan.

Pada edisi kali ini, kami mengetengahkan kejayaan dua usahawan hebat yang merupakan pengasas dan pengasas bersama sebuah jenama yang amat popular di Malaysia iaitu Chef Tako. Mendengar nama jenama ini sahaja sudah cukup membuat kita terbayang takoyaki dengan limpahan sos yang mengurukan. Bukan mudah untuk membawa jenama ini dikenali di seluruh negara. Kejayaan bersulam dengan cabaran-cabaran yang hanya insan hebat kukuh berdiri tidak rebah. Semoga kisah kejayaan Chef Tako ini memberi inspirasi kepada pembaca untuk cekal menempuh segala cabaran dalam perniagaan.

NUR FADHLINA ZAINAL ABEDIN
Ketua Editor



*“Menjamu makanan
bukan aktiviti biasa,
tapi ianya mampu
memahat memori
indah”*



ASPIRASI

TAKOYAKI CHEF TAKO

Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli, Dr. Jamilah Mohd Mahyideen, Dr. Wan Normila Mohamad,
dan Hafisah Yaakob



PENGENALAN

Chef Tako diusahakan oleh dua sahabat baik Tuan Hemrul Elmie Shahmir bin Ghazali dan Tuan Muhammad Misyael bin Abd Rama.

Pada tahun 2015, Tuan Hemrul yang merupakan pengasas mula bermula berniaga takoyaki secara *franchise* dengan menggunakan jenama pihak lain. Ketika itu, jualan takoyaki merosot di mana ada waktu hanya terjual satu set sahaja dalam sehari. Beliau berkongsi modal dengan Tuan Faizal yang kini merupakan Stokis Wilayah Timur. Pada ketika itu, Tuan Faizal mempunyai perniagaan kedai runcit. Manakala Tuan Hemrul mempunyai perniagaan kereta sewa dan pada masa yang sama beliau juga bekerja sebagai jurutera. Pada ketika itu perniagaan takoyaki dijalankan secara sambilan sahaja.

Pada awal tahun 2017, Tuan Misyael (Co-Founder sekarang) atau lebih mesra dikenali sebagai YB mempunyai kedai makan Nasi Kukus dan "Nasi Kak Wok" dan pelanggan tetap pada ketika itu ialah Tuan Hemrul. Tuan Hemrul meminta izin untuk membuka gerai takoyaki di depan kedai makan YB, tetapi hanya bertahan sebulan sebelum berpindah tapak gerai ke Seksyen 7 berhadapan dengan Giant Shah Alam.

Pada pertengahan tahun 2017, Tuan Hemrul mendapat idea untuk melakukan penjenamaan sendiri kerana pada ketika itu beliau mempunyai kesukaran untuk memperolehi bekalan bahan mentah. Tuan Hemrul mengambil keputusan untuk meminta bantuan YB menghasilkan sos takoyaki, manakala tepung takoyaki dihasilkan oleh seorang pekerja yang bernama Tuan Nasir. Ketika itu bekalan bahan mentah sukar diperolehi dan Tuan Hemrul mengambil langkah dengan menggunakan sos takoyaki dan tepung takoyaki yang dihasilkan sendiri. Sebenarnya proses menghasilkan sos takoyaki bukanlah perkara yang mudah. Beliau pernah mengalami kegagalan melebihi 10 kali dalam fasa percubaan dan pernah juga membuat "test market" dengan pelanggan sedia ada. Walau bagaimanapun, jualannya kurang mendapat sambutan kerana pelanggan kurang menggemari sos takoyaki tersebut dan tidak dapat memenuhi selera dan citarasa rakyat Malaysia. Percubaan untuk tepung takoyaki pula memerlukan sebanyak tiga kali percubaan sebelum menemui resepi yang terbaik.

Pada penghujung tahun 2017, Tuan Hemrul mula berani menggunakan jenama sendiri dengan tiga cadangan nama untuk jenama ini antaranya Chef Tako, Royal Tako dan Takoyaki Viral. Setelah mendapat persetujuan dan pilihan bersama, akhirnya nama CHEF TAKO menjadi pilihan untuk perniagaan ini. Logo Chef Tako dicipta oleh YB dengan hanya menggunakan powerpoint sahaja. Beliau mendapat idea dan inspirasi mencipta logo daripada bentuk sotong.

Cawangan pertama Chef Tako ialah di Seksyen 7 berhadapan dengan Giant Shah Alam. Pada tahun 2018 Tuan Hemrul dan YB bersepakat untuk menambah cawangan lagi atas permintaan pelanggan yang ramai. Cawangan ini bermula dengan sokongan rakan-rakan.

PERKEMBANGAN DALAM PERNIAGAAN

Bermula dengan menyewa stor dibelakang kedai runcit dan juga kedai kosmetik untuk penyimpanan bahan dan barang berniaga takoyaki. Di situ jugalah permulaan proses pembuatan sos takoyaki dan tepung takoyaki. Bermula dengan tujuh cawangan, pada ketika ini gerai takoyaki yang berada di Seksyen 7 berhadapan Giant Shah Alam telah tular, mengakibatkan ramai pelanggan yang beratur untuk mendapatkan takoyaki Chef Tako. Keadaan ini tular disebabkan Bonito (fish flakes) yang bertimbun, sos dan mayonis yang melimpah dan meleleh yang di letakkan di atas takoyaki. Peningkatan jualan meningkat daripada RM50 sehari ke RM600-RM700 sehari asbab tular itu.

Disebabkan permintaan pelanggan pada ketika itu amat memberangsangkan, pihak HQ terpaksa berpindah ke sebuah kedai di Ken Rimba. Pada waktu itu, jumlah pekerja telah bertambah termasuk kerani pentadbiran, penghantar "runner" dan juga pekerja untuk bahagian penghasilan sos takoyaki dan tepung takoyaki. Daripada sebuah kedai kemudiannya menjadi lima buah kedai. Pekerja terpaksa ditambah bagi memenuhi keperluan dan kapasiti syarikat.



Pada tahun 2018, Chef Tako berjaya mencapai jualan RM1.6 juta yang pertama. Kemudian Founder dan Co-Founder mengambil langkah untuk mencari mentor didalam perniagaan dan membuat keputusan untuk berguru dengan Sifu Najib Asaddok. Pada 25 Disember 2018, ejen Chef Tako mencecah seramai 100 ejen. Pada tahun 2019, jualan Chef Tako mencapai RM3.2 juta setahun dan mempunyai seramai 300 ejen.

Pada Februari 2020, jualan ketika itu sebanyak RM600,000. Pada Mac, April dan Mei 2020, jualan mulai menunjukkan penurunan disebabkan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan. Pada ketika ini Founder dan Co-Founder mengambil langkah dengan membuat program bantuan kepada mangsa yang terkesan disebabkan PKP, membuka peluang pekerjaan dengan menambah tenaga kerja yang baharu, lebih agresif dalam pemasaran dengan melakukan Facebook Ads gerai ejen dan memberikan bimbingan



yang lebih padu kepada para ejen. Antaranya, menggalakkan ejen membuat "LIVE" dan melakukan penghantaran atau Cash on Delivery (COD) kepada pelanggan. Hasilnya, jualan kembali meningkat dengan lebih dahsyat pada bulan Julai 2020 dengan jualan sebanyak RM800,000 sebulan. Pada Ogos 2020, HQ mengambil langkah berpindah ke kilang yang lebih besar dan pada ketika itu jualan sebulan melebihi RM1.2 juta. Jualan terkini adalah melebihi RM2.1 juta sebulan.

Terkini November 2021, jumlah ejen Chef Tako seramai 874 orang dengan jumlah outlet sebanyak 961 buah. Ada di kalangan ejen yang berjaya mencapai jualan sejumlah RM100,000 sebulan.

Tatkala kebanyakan perniagaan terpaksa gulung tikar sejak tersebarnya wabak Covid-19, namun perniagaan Chef Tako menunjukkan pertumbuhan dan perkembangan yang luar biasa.





SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT

Ketika pandemik covid-19 melanda, ramai yang terkesan akibat perintah pergerakan kawalan (PKP) dan memerlukan bantuan demi kelangsungan hidup. Atas sikap prihatin, Tuan Hemrul Elmie dan Tuan Muhammad Misyael Abd Rama mengambil inisiatif untuk memberi manfaat kepada masyarakat di luar sana yang memerlukan antaranya memberi sumbangan untuk penduduk asnaf di Kampung Delek Klang.

Selain itu, Chef Tako juga menyertai program Infaq Ramadan Pelakon Putera Amaris atau nama sebenarnya Amran Ismail, membantu golongan memerlukan menerusi program Infaq Ramadan.

HARAPAN DAN IMPIAN

Chef Tako berharap agar dipermudahkan urusan untuk cawangan di Sabah dan Sarawak serta dapat menembusi pasaran antarabangsa seperti Singapura, Indonesia dan Brunei.

Chef Tako merancang untuk membimbing 3000 usahawan bersama dan dapat menghasilkan produk makanan yang lebih berkualiti dan menjadi nombor 1 pilihan rakyat Malaysia dan mengubah persepsi masyarakat tentang peniaga jalanan.

PENGURUSAN & STRATEGI

PELAN PEMULIHAN INDUSTRI PELANCONGAN

Hilwana Abd Karim, Zarifah Fadilah Ramli, Zaidatulhusna Isnani, Nur Alia Amirnordin, Norhaniza Md Akhir, Dr. Nurazilah Zainal, Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman

Sektor Pelancongan dunia kini terus menjadi salah satu sektor yang paling teruk terkesan disebabkan Pandemik Covid-19. Berdasarkan analisa daripada Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Dunia (OECD) telah menyasarkan dan menjangka bahawa sektor pelancongan antarabangsa akan turun sehingga 80% pada tahun 2020. Negara-negara yang sangat terkesan merupakan negara yang bergantung sepenuhnya kepada sektor pelancongan antarabangsa dan aktiviti perniagaan sekitarnya.

Arahan untuk menghentikan semua kegiatan dan aktiviti pelancongan di seluruh dunia mengakibatkan kebanyakan ekonomi negara-negara yang bergantung kepada sektor tersebut lumpuh. Sektor ini dilihat amat berisiko tinggi menjadi sektor pilihan terakhir yang akan pulih dengan sekatan pergerakan pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa serta kemelesetan ekonomi global. Ini kerana, kebanyakan aktiviti-aktiviti ekonomi lain juga bergantung kepada sektor perlancungan dalam memperkuuhkan pasaran mereka. Bermula awal Januari 2021, program vaksinasi golongan dewasa diseluruh dunia telah memberi harapan kepada program pemulihan sektor pelancongan secara amnya yang dilihat dapat memberikan peluang kepada mereka bagi

mengorak langkah strategi terbaik dalam membangunkan semula sektor tersebut

Justeru itu, bermula dengan pembukaan sektor pelancongan domestik ianya dilihat dapat membantu mengurangkan kesan terhadap sektor pekerjaan dan perniagaan lain di beberapa destinasi pelancongan. Walaubagaimanapun, sektor pelancongan antarabangsa hanya akan dibuka sepenuhnya sehingga pelan pemulihan sektor pelancongan domestik berjaya dan memberi impak kepada sektor tersebut.

PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA MENERUSI PELAN PEMULIHAN NEGARA

Pada pertengahan tahun ini, kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk memulakan projek pelancongan domestik di beberapa destinasi terkenal pelancongan. Perlaksanaan projek pelancongan domestik ini tertakluk kepada kaedah gelembung pelancongan (travel bubble) yang membolehkan pelancong domestik ke destinasi pelancongan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (Standard Operation Procedure, SOP) gelembung pelancongan, dan juga perlu patuhi ketetapan ujian saringan Covid-19. Kerajaan Malaysia telah memilih Langkawi

sebagai projek rintis pelancongan bercirikan gelembung pelancongan. Pada 16 September 2021, secara rasminya Pulau Langkawi telah membuka pintu pelancongannya kepada pelancong tempatan. Pada 22 September 2021 yang lalu, ketika Sidang Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi kebenaran pembukaan pusat-pusat pelancongan, pulau-pulau atau kawasan pelancongan berserta aktiviti rentas negeri apabila Malaysia secara keseluruhannya mencapai 90 peratus kadar vaksinasi dewasa berdasarkan maklumat dan analisa dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Buat masa ini, pelancong domestik berpeluang melancong menerusi projek Gelembung Pelancongan Langkawi, dan juga dibenarkan untuk aktiviti pelancongan Intra-State (dalam negeri yang sama) bagi negeri-negeri yang berada dalam Fasa 2 dan ke atas berdasarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Sehingga kini Malaysia masih menutup sempadan antarabangsa kepada pelancong dan pelawat antarabangsa kecuali bagi mereka yang berkeperluan seperti pelajar antarabangsa, kakitangan pejabat kedutaan, urusan rasmi perniagaan dan lain-lain.



Program Rintis Langkawi

KEJAYAAN PROJEK RINTIS PHUKET SANDBOX THAILAND

Bermula dari 1 Julai 2021 Thailand telah membenarkan pelancong antarabangsa memasuki Pulau Phuket melalui projek rintis *Phuket Sandbox* sebagai sebagaimana usaha menyelamatkan industri perlancongan Thailand. Kerajaan Thailand memilih Pulau Phuket sebagai projek rintis memandangkan Pulau Phuket merupakan destinasi popular di kalangan pelancong antarabangsa yang menerima seramai 10.5 million pelancong dan menyumbang 13 Billion USD kepada ekonomi negara Thailand pada tahun 2019 sebelum pandemik Covid-19 menyerang dunia. Menteri Perlancongan Phiphat Ratchakitprakarn menjangkakan Pulau Phuket bakal menerima 100,000 pelancong antarabangsa antara Julai hingga September 2021 dan bakal menjana hasil lebih dari 90 Million USD.




Program Phuket sand box 7+7

Pada 17 Ogos 2021, Tourism Authority of Thailand (TAT) telah menaiktaraf program *Phuket sandbox 7+7* dengan menambah lebih banyak destinasi pelancongan iaitu Pulau Krabi, Phang-Nga dan Surat Thani. Program *Phuket sandbox 7+7* membolehkan pelancong menetap di Pulau Phuket selama tujuh hari pertama dan melakukan perjalanan ke wilayah lain (Pulau Krabi, Phang-Nga dan Surat Thani) tanpa perlu kuarantin dalam tempoh tersebut

SINGAPURA PERKENALKAN Connect@Singapore DAN Connect@Changi SEBAGAI INISIATIF PEMBUKAAN SEMPANAN NEGARA

Connect@Singapore telah diumumkan pada 15 Disember 2020 sebagai suatu usaha membuka sempadan antarabangsa dengan kaedah terkawal serta selamat. Matlamat utama Connect@Singapore adalah untuk mengurus pertukaran perniagaan global dan membantu memperkasa hub udara Singapura serta sektor hospitaliti. Pelancong yang memasuki Singapura melalui inisiatif Connect@Singapura tertakluk kepada ujian saringan kesihatan yang ketat yang membolehkan mereka berada dalam tempoh yang dibenarkan iaitu sehingga 14 hari. Didalam tempoh keberadaan pelancong di Singapura, mereka tertakluk kepada kaedah gelembung pelancongan (travel bubble).

Pada Februari 2021, Singapura telah mengambil langkah berdaya maju dalam suasana pandemik Covid-19 dengan memulakan inisiatif *the pilot short-stay facility* yang dikenali sebagai Connect@Changi, dan juga merupakan *Business Travel eXchange* pertama didunia. Ini adalah suatu usaha kelangsungan ekonomi Singapura dengan membenarkan acara mesyuarat perniagaan antarabangsa (international business meetings) yang bercirikan *Business Travel Tourism*.



Laman sesawang Connect@Changi yang ‘digantung’ (suspended) sehingga makluman baru dari pihak kerajaan Singapura

Pada pelancaran fasiliti Connect@Changi yang lalu, Timbalan Perdana Menteri Singapura berkata pembukaan semula pelancongan perniagaan (business travel) dan mesyuarat antarabangsa sangat penting sebagai usaha pemulihan ekonomi

Singapura pada kadar yang cepat setelah kekangan pandemik Covid-19. Usaha Singapura tersebut dijangkakan dapat mempertingkatkan pemulihan sektor acara MICE (Meetings, Incentive Travel, Conventions & Exhibitions) dan hospitaliti serta dapat berfungsi dengan baik sebagai hub perniagaan global. Bagaimanapun, kini usaha tersebut ditangguhkan pada suatu ketetapan lain akibat penularan Covid-19 di Singapura. Terjejas sama adalah usahasama kerajaan Singapura dan Hongkong untuk melaksanakan *Quarantine-Free Travel Bubble* pada May 2021 yang lalu juga terpaksa ditangguhkan akibat penularan Covid-19 di Singapura.



Fasiliti Connect@Changi Pelancong Perniagaan

PELAN PEMULIHAN SEKTOR PELANCONGAN VIETNAM

Faktor utama dalam pelan pemulihan sektor pelancongan di Vietnam adalah berdasarkan faktor keselamatan dalam semua aktiviti pelancongan di era norma baharu. Pelancongan Vietnam telah mengambil langkah untuk membuka kembali secara beransur-ansur daripada pelancongan intra-provinsi, pelancongan domestik ke pelancongan antarabangsa. Sejajar dengan itu, Kerajaan Vietnam telah merangka ujian ‘pilot’ pelan pemulihan sektor pelancongan ini yang memfokuskan kepada pelancong antarabangsa melalui program ‘tur paket’ oleh agensi pelancongan sahaja. Pada peringkat permulaan sasarnya adalah kepada pelancong percutian di pantai, dan pemain golf.



Destinasi Perlancongan Phu Quo

Merujuk kepada dasar Politburo, Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam atau “National Administration of Tourism” (VNAT) dipertanggungjawabkan dalam pelan pemulihan ini bagi melaksana rancangan perintis untuk membuka semula sektor pelancongan antarabangsa ke Phu Quoc sekaligus menarik lebih 2 hingga 3 juta kemasukan pelancong ke pulau itu pada akhir tahun 2021 sebagai daya tarikan utama Vietnam. Sehubungan dengan itu, kerjasama unit-unit di bawah Kementerian Kesihatan dan Kementerian Maklumat & Komunikasi untuk bergabung tenaga bagi membangunkan dan memperkenalkan aplikasi “Vietnam Safe Travel” yang menggabungkan aplikasi “Deklarasi Kesihatan” menurut peraturan Kementerian Kesihatan. Aplikasi ini menjadi kunci utama pelancong keluar dan masuk ke Vietnam. Aplikasi ini juga ditingkatkan dan menggabungkan lebih banyak kemudahan lain termasuk deklarasi keselamatan COVID-19 untuk tempat perniagaan pelancongan, peta digital perjalanan yang selamat, dan kemudahan bersepadu seperti penjejakkan rekod kesihatan, insurans perjalanan, e-tiket, perkhidmatan tempahan dan pencarian tempat-tempat menarik.

Setelah rancangan pembukaan semula sektor pelancongan di Pulau Phu Quoc (Provinsi Kien Giang) kepada pelancong anatarabangsa, “Ba Ria - Provinsi Vung Tau” telah mula dibuka untuk memberi peluang kepada pelancong domestik dari kawasan seperti Bandar Ho Chi Minh, Provinsi Dong Nai, Provinsi Binh Duong dengan pelancaran platform e-dagang pelancongan dan menganjurkan pameran pelancongan bagi menarik peluang perniagaan yang mampu meningkatkan ekonomi Vietnam.

Seterusnya perancangan pembukaan destinasi pelancongan yang lain seperti Khanh Hoa, Da Nang, Thua Thien Hue, Binh Dinh juga akan menyusul setelah rancangan percubaan di Pulau Phu Quoc berjaya dilaksanakan.

KESIMPULAN

Pelan pemulihan sektor pelancongan perlulah disertai dengan pelbagai strategi yang berkesan dan mampu meyakinkan agar rancangan berjaya dilaksanakan dalam tempoh tertentu. Perubahan dan kemampuan dalam meneruskan kelangsungan perniagaan terutamanya di dalam sektor pelancongan amatlah mencabar dan berisiko. Akan tetapi, dalam rancangan pemulihan ini perkara utama yang perlu dititikberatkan termasuklah langkah-langkah tindak balas yang bersepadu untuk mengekalkan kapasiti di sektor ini pada paras selamat dan mengatasi jurang risiko dengan memperkuatkannya kerjasama negara-negara antarabangsa dan platform pembangunan pelancongan yang lebih berdaya tahan dan lestari. Walaupun penyelesaian dasar yang fleksibel diperlukan untuk memungkinkan ekonomi sektor pelancongan hidup bersama virus dalam jangka masa pendek atau panjang, ia penting untuk melihat skop yang lebih luas dan mengambil langkah untuk belajar dari krisis ini dengan mengadakan pelan tindakan risiko yang teratur dan effektif. Disamping itu, dengan implikasi krisis pandemik Covid-19 ini kerajaan dan agensi swasta perlulah memanfaatkan kaedah digitalisasi serta mempromosikan transformasi struktur yang diperlukan untuk membangun ekonomi pelancongan yang lebih kuat, lebih lestari dan berdaya tahan.



River cruise, Melaka

KEPIMPINAN



Shopee

EMPAYAR PERNIAGAAN E-DAGANG MASA KINI

Iskandar Ariffin, Nur Alia Amirnordin dan Habsah Kasim

Shopee Pte. Ltd. adalah syarikat teknologi multinasional berpusat di Singapura yang memfokuskan perniagaan menggunakan platform e-dagang. Shopee telah dilancarkan di Singapura pada tahun 2015 dan kemudian telah memperluaskan empayar perniagaan ke Malaysia, Thailand, Taiwan, Indonesia, Vietnam, Filipina, Brazil, Mexico, Chile, dan Colombia. Ia juga beroperasi di Tanah Besar China, Hong Kong, Jepun dan Korea Selatan sebagai pusat jualan.

Syarikat ini dimiliki oleh Forrest Xiaodong Li, seorang peniaga Singapura kelahiran China. Beliau adalah merupakan Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sea Limited iaitu syarikat induk untuk Shopee, SeaMoney dan Garena. Syarikat ini diasaskan bersama oleh Forrest Li, Gang Ye dan David Chen. Dengan nilai bersih kekayaan USD \$19.8 Billion, Forrest Li di nobatkan sebagai orang terkaya di Singapura pada 2021.

Forrest Li berasal dari Tianjin, China. Beliau bukan pelajar yang cemerlang ketika zaman persekolahan tetapi banyak menghabiskan masa bermain permainan video di kafe siber.





Setelah memperoleh ijazah kejuruteraan dari Shanghai Jiaotong University, Forrest Li bekerja di Motorola dan Corning di China. Tidak mahu meneruskan kerjaya di bidang korporat, Forrest Li mengambil pinjaman bank sebanyak USD\$120,000 untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana (MBA) di Stanford University. Ketika menghadiri majlis graduasi kekasihnya (sekarang isteri) pada tahun 2005, Steve Jobs hadir untuk menyampaikan ucaptama. Kata-kata dari Steve Job "Stay hungry, stay foolish" telah tertanam di benak Forrest Li, dan memberi inspirasi kepada beliau untuk mengejar impiannya.

Setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana, Li mengikuti isterinya ke Singapura tetapi beliau dibebani hutang dan hanya mempunyai wang yang cukup untuk menyewa bilik. Forrest Li pernah bekerja di MTV Network sebelum memulakan perniagaan pertamanya, GG Game yang menawarkan produk permainan video. Malangnya, perniagaan ini tidak bertahan lama kerana pelabur utama Li gagal menyuntik modal seperti dianjikan kepadanya. Setelah perniagaan pertamanya gagal, Forrest Li telah memulakan satu perniagaan baharu dinamakan Garena bersama rakan-rakannya Gang Ye dan David Chen pada tahun 2009 dimana kedua-duanya juga adalah kelahiran negara China. Global Arena atau dikenali sebagai Garena adalah pembangun dan pengedar permainan dalam talian terkemuka dengan menguasai lebih daripada 130 pasaran. Antara kejayaan terbesar ialah pada tahun 2010 dimana syarikatnya memperolehi lesen pengedaran di Asia Tenggara dari pembangun permainan terkenal di Amerika Syarikat iaitu Riot Games.

Tidak berpuas hati dengan perniagaan permainan, Garena menubuhkan SeaMoney pada tahun 2014, penyedia perkhidmatan pembayaran digital dan kewangan di Asia Tenggara. Pada tahun 2015, Forrest Li memutuskan untuk melancarkan platform e-dagang Shopee setelah anak perempuannya mengatakan bahawa dia merindui Taobao, pusat membeli-belah dalam talian Alibaba. Walaupun terpaksa bersaing dengan Lazada dan Tokopedia, Shopee telah berkembang pesat kerana kempen pemasarannya yang agresif, strategi "mobile first" dan tidak mengenakan komisen penjualan kepada peniaga di awal kemunculannya.

**Kata-kata Steve Job
"Stay Hungry, Stay foolish" menyuntik semangat Forrest Li untuk terus memburu impiannya.**

Walaupun perniagaan permainannya menguntungkan, Shopee masih belum memperoleh keuntungan dan telah mengumpulkan kerugian yang besar selama bertahun-tahun. Forrest Li percaya bahawa peningkatan 'market share' dan skala pasaran adalah keutamaan mereka dan bukannya menjana wang terlebih dahulu. Untuk perniagaan baru, untuk mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi, usahawan perlu membuat pelaburan awal untuk berjaya.

Shopee merupakan laman web e-dagang yang paling banyak dikunjungi di Asia Tenggara

Pada tahun 2019, Shopee telah menjana keuntungan dengan mengurangkan perbelanjaan pemasaran dan menaikan kadar komisen kepada peniaga. Shopee sejak itu menjadi antara dua aplikasi e-dagang paling popular digunakan di Asia Tenggara berdasarkan pengguna aktif bulanan. Ia juga merupakan laman web e-dagang yang paling banyak dikunjungi di Asia Tenggara berbanding platform e-dagang yang lain.

Pendapatan Shopee pada tahun 2020 berjumlah USD \$1.78 bilion, meningkat 116% dari tahun ke tahun. Pada tahun 2017, Garena dijenamakan semula sebagai Sea Limited setelah memperoleh dana USD \$550 juta. Pada bulan Oktober tahun itu, Sea melancarkan IPO bernilai USD \$884 juta di NYSE, menjadi Syarikat teknologi pertama yang berpusat di Singapura yang didagangkan di Amerika Syarikat. IPO syarikat itu bernilai USD \$4.58 bilion, menjadikannya syarikat teknologi paling berharga di Asia Tenggara.

Kesimpulannya, dengan iltizam dan usaha yang bersungguh-sungguh, Forrest Li telah membuktikan beliau boleh berjaya dalam perniagaan yang dijalankan. Strategi yang tepat dan bijak amat penting bagi memastikan perniagaan tersebut bertahan lama. Pandemik Covid 19 yang melanda dunia pada tahun 2019 melonjakkan lagi permintaan terhadap pembelian atas talian di seluruh dunia dan ini memberi impak positif syarikat beliau.



PEMBANGUNAN DIRI

Tingkatkan Produktiviti Diri dengan 5 Aplikasi Mudah Alih

Nur Fadhlina Zainal Abedin dan Najiha binti Omar



Applikasi mudah alih adalah sebuah perisian aplikasi yang direka untuk digunakan di peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer tablet. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis aplikasi mudah alih yang dibangunkan secara percuma mahupun berbayar untuk pengguna. Penggunaan aplikasi ini dapat membantu memudahkan urusan sehari-hari kita. Contohnya aplikasi merekodkan aktiviti harian supaya lebih tersusun, panduan masa dan rakaman, meditasi dan meringankan tekanan.

Artikel ini menyenaraikan lima aplikasi mudah alih terpilih dalam meningkatkan produktiviti diri. Aplikasi-aplikasi yang disenaraikan ini adalah boleh diakses samada menggunakan operasi Android mahupun iOS. Sebahagian aplikasi mudah alih ini juga boleh digunakan bersama komputer riba.



Sekiranya anda ingin memupuk minda positif dan dalam masa yang sama ingin meningkatkan motivasi, ThinkUp adalah aplikasi mudah alih yang sesuai untuk dimuat naik ke dalam peranti anda. ThinkUp ialah aplikasi untuk berfikiran lebih positif yang membolehkan anda merekodkan percakapan dan membantu mengubah cara anda berfikir. Percakapan kendiri yang diperaktikkan secara positif dan berterusan membolehkannya anda beransur-ansur mengatasi pemikiran negatif dalam diri. Ini secara tidak langsung akan memperbaiki aspek lain dalam kehidupan anda.



Any.do

Dengan aplikasi Any.do, anda dapat jejak tugas anda dan kemudian menyelesaiakannya. Anda boleh menambahkan peringatan, nota dan fail yang boleh diakses kepada semua peranti. Ini bermakna anda boleh menguruskan senarai tugas anda dari rumah atau ketika dalam perjalanan. Aplikasi ini ringkas dan mudah bagi yang baru ingin bermula membuat tugas dengan Any.do.



Simple Habit pula adalah sebuah aplikasi meditasi dibangunkan untuk orang yang sering kesibukan dengan tugas-tugas harian. Direka oleh pakar meditasi, aplikasi ini mengandungi pelbagai sumber meditasi dan motivasi. Pengguna boleh memilih daripada pelbagai situasi, perasaan dan masa dalam sehari untuk bermeditasi dengan pilihan yang diingini.

Pomofocus

Pomofocus ialah aplikasi yang boleh menetap masa mengikut kaedah Pomodoro. Ia boleh disesuaikan pada pelayar desktop & mudah alih. Matlamat aplikasi ini adalah untuk membantu anda menumpukan kepada sebarang tugas yang sedang anda kerjakan seperti belajar, menulis atau aktiviti-aktiviti lain. Teknik Pomodoro merupakan kaedah pengurusan masa yang dibangunkan oleh Francesco Cirillo. Ia menggunakan penetapan masa untuk memecahkan kerja kepada selang waktu, iaitu 25 minit aktiviti dan lima minit rehat.



Evernote

Evernote ialah aplikasi berdasarkan buku nota yang membantu pengguna menyusun tugas mereka dengan teratur. Ia adalah aplikasi merentas platform yang mempunyai pelbagai tujuan iaitu sebagai fail kabinet digital, alat mencatat nota, jurnal harian, sistem pengurusan tugas atau projek, menyimpan resipi dan banyak lagi. Aplikasi ini mempunyai begitu banyak kegunaan dan ciri yang berbeza yang boleh menarik perhatian pengguna.

EKONOMI

Peranan Politik dan Kadar Vaksin Dalam Membantu Pemulihan Ekonomi Negara

Dr. Nurazilah Zainal, Zarifah Fadilah Ramli, Hilwana Abd Karim, Nur Alia Amirnordin, Norhaniza Md Akhir dan Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman



Untuk mencapai kadar pemulihan ekonomi yang sihat, dua faktor telah dikenalpasti dalam usaha pemulihan ini iaitu kestabilan politik dan kadar vaksinasi yang tinggi. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila pasaran pelaburan negara telah mula menunjukkan kadar pertumbuhan yang amat menggalakkan sejak kebelakangan ini.


Secara amnya, ketidakseimbangan politik telah menimbulkan satu persepsi dimana rakyat semakin hilang kepercayaan terhadap sistem politik di Malaysia. Bagi memerangi wabak ini seluruh rakyat Malaysia perlu bersatu hati bagi memastikan kemenangan berpihak kepada mereka kerana menghadapi cabaran politik dan pandemik merupakan satu cabaran yang sangat besar dan boleh diumpamakan seperti nakhoda kapal yang sedang menggerudi kapalnya dalam ombak yang gah dan sudah pasti keadaan ini memerlukan segala pengalaman politik dan dokongan dari semua pihak bagi mendapatkan semula kepercayaan rakyat untuk mentadbir negara secara efisien.

Pembentukan Jemaah Kabinet baru-baru ini telah melibatkan seramai 69 ahli Parlimen dan Senator dimana 31 daripada mereka dilantik sebagai Menteri manakala selebihnya iaitu 38 lagi dilantik sebagai Timbalan Menteri. Sejajar dengan itu, YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri memberitahu, beliau akan mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil sektor perindustrian, dewan perniagaan dan usahawan belia bagi tujuan mendapatkan kerjasama mereka di dalam usaha kerajaan baharu untuk memulihkan ekonomi negara dengan dibantu oleh Jemaah Menteri dan Kabinet yang sedia ada.



Fokus utama yang perlu diberi perhatian dalam pentadbiran baharu ini haruslah lebih tertumpu untuk mengimbangi isu kesihatan dan ekonomi yang telah melanda negara sejak dua tahun ini. Dari aspek kesihatan, semua sedia maklum iaitu negara-negara di dunia sedang bertungkus lumus memerangi wabak Covid ini. Di Malaysia, Program Imunisasi Covid Kebangsaan (PICK) telah mencatatkan prestasi yang cemerlang apabila kadar pemberian vaksin negara kita merupakan antara yang efisien di dunia. Dengan kejayaan seumpama ini, kerajaan baharu perlu mengekalkan momentum untuk mencapai sasaran 2 dos vaksin lengkap untuk rakyat dewasa bagi mencapai status imuniti kelompok. Program vaksinasi ini juga telah menampakkan keberkesanan yang positif apabila bilangan pesakit di wad ICU dan bilangan pesakit di pusat kuarantin semakin berkurang. Walau bagaimanapun, kerajaan baharu perlu sentiasa berwaspada dan tidak boleh berada dalam kedudukan yang selesa kerana bilangan jangkitan Covid-19 dalam komuniti masih mencatat bilangan yang tinggi.

Selain dari isu kesihatan, pentadbiran baharu ini juga haruslah menitikberatkan kelangsungan ekonomi negara terutamanya bagi golongan rentan. Selagi PKP masih dilaksanakan, kita dapat lihat kesannya kepada ekonomi negara apabila negara mengalami kerugian hampir RM 1 bilion setiap hari. Selain itu, kadar pengangguran dan miskin tegar juga dilaporkan terus meningkat. Melihat kepada keadaan sekarang, beberapa sektor ekonomi telah pun dibenarkan beroperasi terutamanya negeri-negeri yang telah berpindah dari fasa satu ke fasa dua dan fasa tiga dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN). Namun begitu, selagi kes Covid-19 masih di tahap tinggi, selagi itulah ekonomi negara akan terkesan. Jika dibuat perbandingan, krisis pada kali ini amat berbeza dengan krisis ekonomi yang melanda negara seperti pada tahun 1997 dan 2008 dimana puncanya berkaitan dengan ekonomi dan jalan penyelesaian juga adalah berdasarkan strategi ekonomi. Krisis kali ini merupakan krisis kesihatan global yang tidak dijangka. Jadi untuk pentadbiran baharu, ini merupakan cabaran yang getir dimana pemulihan ekonomi bergantung sepenuhnya kepada kecekapan pentadbiran negara dalam membendung wabak Covid 19 ini.



Pembentukan kabinet yang telus dan adil amat penting dalam memacu pentadbiran negara yang cekap lebih-lebih lagi di musim pandemik ini. Saiz kabinet bukanlah satu penentuan kejayaan sesebuah kerajaan itu, tetapi ia harus memastikan ahli parliment yang dilantik mestilah benar-benar berkelayakan dan berkebolehan bagi menerajui portfolio masing-masing. Pembentukan kabinet perlulah mengambil kira pengalaman dan kapakaran khususnya dalam pemulihian Malaysia secara menyeluruh.

Salah satu usaha proaktif dari kerajaan baharu yang kita boleh lihat baru-baru ini adalah, kerajaan melalui Perdana Menteri telah mewujudkan Majlis Pemulihan Negara yang berbentuk lebih terbuka dimana beliau telah menjemput pihak pembangkang untuk turut serta dalam majlis tersebut. Selain itu, jemputan ini juga telah dipanjangkan kepada pakar-pakar sebagai satu ruang untuk memberi input dan bertukar idea bagi menyelesaikan segala permasalahan yang timbul. Kita berharap, kerajaan baharu ini dapat beralih kepada sistem *Whole of Nation* dalam memerangi pandemik Covid-19 ini.



IDEA PERNIAGAAN

MAMPUKAH KELESTARIAN KEUSAHAWANAN PERNIAGAAN PKS DALAM ERA PANDEMIK COVID-19 DICAPAI?

Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman, Zaidatulhusna Mohd Isnani, Norhaniza Md Akhir, Dr. Nurazilah Zainal, Nur Alia Amirnordin, Zarifah Fadilah Ramli dan Hilwana Abd Karim



Keusahawanan lestari adalah suatu pencapaian perniagaan yang dapat mewujudkan penyelesaian pasaran yang lebih berdaya saing dan bertindak sebagai agen perubahan dengan menyedari dan memanfaatkan peluang untuk membangunkan keusahawanan lestari kepada bentuk perniagaan yang seiring dengan trend pasaran. Bagi mencapai peluang tersebut, antara strategi yang terbaik adalah dengan memastikan keuntungan pembangunan mampan, menawarkan keusahawanan lestari kepada penyelesaian berorientasikan pasaran yang mampu mengatasi kemerosotan persekitaran dan membetulkan ketidakadilan dan ketidaksamaan sosial (Belz & Binder, 2017; Binder, 2017; Farny, 2016). Selain itu, definisi lain juga menyatakan bahawa kelestarian perniagaan merujuk kepada keupayaan usahawan meneruskan aktiviti perniagaan mereka. Ianya disokong dengan pendapat Watson, Horgoth-Scott, dan Wilson (1998) menyatakan bahawa kelestarian dalam perniagaan adalah keupayaan meneruskan transaksi perdagangan.

Strategi Usahawan dalam Menjamin Kelestarian Perniagaan

Perniagaan dalam era pandemik kini memerlukan tiga sifat utama bagi menjamin kemampuan berdaya saing iaitu ketangkasian, kelestarian dan kemampanan serta ketahanan terutamanya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Persoalan utama adalah mampukah perniagaan sektor PKS bertahan semasa era pandemik ini? Hampir 62% perusahaan kecil sederhana (PKS) dari sekitar 136 negara terkesan dengan pandemik ini terutamanya apabila pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bagi mengekang penularan wabak tersebut. Oleh itu, perniagaan-perniagaan yang mengamalkan pelan strategik kelestarian yang kukuh pada asasnya dpt bertahan lebih baik dalam pasaran yang lebih luas serta bertindak merubah model perniagaan mereka mengikut kepada kehendak pasaran semasa terutamanya kepada kearah digitalisasi. Selain itu, bagi menjamin kelestarian keusahawanan juga proses perniagaan perlulah diperluaskan dan ditambahbaik untuk mencapai kecekapan pengeluaran yang besar dan bukan lagi secara optimum terutamanya dalam keadaan persekitaran yang tidak pasti ini. Manfaat jaringan teknologi yang luas membolehkan proses model perniagaan baru dapat dibentuk dengan baik dan memperkuatkan perniagaan PKS dengan lebih mudah serta berdaya saing seiring dengan kehendak pasaran semasa.



Kelestarian keusahawanan dapat dicapai melalui empat (4) tunggak utama antaranya adalah model perniagaan yang seiring dengan trend kehendak semasa serta memberi nilai tambah kepada masyarakat terutamanya apabila berhadapan dengan situasi genting pandemik Covid-19 ini. Selain itu penjenamaan yang baik dan diterima oleh setiap pelanggan serta mendapat kepercayaan yang tinggi dan trend perniagaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menerusi aktiviti tanggungjawab sosial terhadap komuniti dan masyarakat sebagai sokongan terhadap inisiatif kerajaan juga sebagai pemangkin untuk membolehkan kelestarian keusahawanan dicapai. Kemampuan PKS terhadap penglibatan mereka di dalam teknologi baru serta berinovasi yang menjadi tunggak terhadap penghasilan produk terbaik dapat memenuhi kehendak pasaran juga mampu memberi peluang pada mereka kekal bersaing dalam pasaran.

Inisiatif Kerajaan dalam Memastikan Kelestarian Perniagaan Akibat Covid-19

Sejak bermulanya penularan wabak Covid-19 pada awal tahun 2020, wabak ini telah memberikan impak besar kepada ekonomi global dunia termasuk Malaysia. Justeru itu, Kerajaan Malaysia telah menyediakan pelbagai bantuan segera untuk meringankan beban rakyat terutamanya mereka yang terkesan teruk dengan pandemik COVID-19. **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat** atau **PRIHATIN** berjumlah RM250 bilion telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 yang lalu. Daripada jumlah ini, RM100 bilion diperuntukkan untuk menyokong perniagaan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Bagi membantu PKS termasuk usahawan mikro, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah menyediakan dana tambahan berjumlah RM4.5 bilion yang merangkumi lima tunjang utama iaitu:

- Menambah dana dalam tabung Bantuan Kemudahan Khas atau Special Relief Facility untuk PKS sebanyak RM3 bilion, menjadikan jumlah keseluruhannya RM5 bilion. Selain itu, kadar faedah bagi keseluruhan dana ini akan dikurangkan daripada 3.75% kepada 3.5%.
- Meningkatkan saiz dana sebanyak RM1 bilion kepada RM6.8 bilion di bawah Kemudahan Semua Sektor Ekonomi bagi meningkatkan lagi akses pembiayaan kepada PKS.
- Menyediakan dana tambahan sebanyak RM500 juta di bawah Skim Kredit Mikro yang menjadikan jumlah keseluruhan RM700 juta bagi pembiayaan mudah. Skim ini akan dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional dengan menawarkan kadar faedah 2% sahaja tanpa cagaran. Syarat kelayakan pinjaman juga dilonggarkan dengan minimum enam bulan operasi berbanding setahun operasi.
- Amaun pembiayaan juga ditingkatkan daripada maksimum RM50,000 kepada RM75,000 bagi setiap usahawan. Inisiatif ini adalah terbuka kepada semua usahawan mikro dalam semua sektor perniagaan termasuk pengusaha taska, operator bas dan teksi, industri kreatif dan peniaga atas talian.
- PKS yang mempunyai rekod perniagaan kurang daripada 4 tahun juga boleh memanfaatkan skim BizMula-i dan BizWanita-i Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC) untuk pembiayaan sehingga RM300,000.
- Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) akan menyediakan kemudahan jaminan bernilai RMS bilion selain meningkatkan kadar jaminan daripada 70% kepada 80% bagi syarikat PKS yang menghadapi masalah mendapatkan pinjaman.





Disamping itu, bagi membantu kira-kira 750 ribu PKS untuk terus berjuang menghadapi kesan wabak pandemik terhadap perniagaan mereka, Kerajaan juga membenarkan penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua PKS untuk tempoh tiga bulan mulai 1 April 2020. Kerajaan juga menyambut baik kesanggupan institusi perbankan untuk menawarkan **penangguhan atau moratorium** bayaran pinjaman selama enam bulan, penukaran baki kad kredit kepada pinjaman berjangka dan penstrukturkan semula pinjaman korporat. Langkah ini adalah penting untuk membolehkan syarikat terus berkemampuan dan berdaya saing untuk mengekalkan pekerjaan dan terus berjuang dalam menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing. Selain itu, langkah moratorium ini juga dipanjangkan dan dilaksanakan bagi pinjaman dengan TEKUN, MARA dan koperasi serta mana-mana agensi kerajaan yang memberi pinjaman kepada PKS mulai 1 April 2020.

Bank Negara Malaysia (BNM) bersetuju untuk memberikan tempoh lanjutan **moratorium bersasar dan fleksibiliti pembayaran balik** kepada individu dan PKS yang terus terjejas akibat COVID-19. Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September 2020, BNM telah bekerjasama rapat dengan institusi perbankan dalam usaha memastikan bantuan terus diberikan kepada peminjam yang terjejas akibat COVID-19. Institusi perbankan terus bersedia untuk membantu peminjam yang terjejas akibat COVID-19 melalui pelan pembayaran balik berjadual dan pengaturan lain yang bersesuaian dengan keadaan spesifik setiap peminjam.

Inisiatif seterusnya ialah **Geran Khas Prihatin (GKP)**. Ianya merupakan bantuan kewangan secara one-off kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dan Mikro yang berkelayakan bagi meringankan beban kewangan perniagaan di samping meningkatkan produktiviti pengeluaran dan perkhidmatan mereka. Di bawah Belanjawan 2021 dan pakej PERMAI, GKP Tambahan telah diberikan kepada PKS Mikro di seluruh negara. Pada Mac 2021, GKP 3.0 telah diumumkan di bawah pakej PEMERKASA. Setiap PKS mikro yang layak akan menerima bantuan *one-off* GKP 3.0 sebanyak RM1,000. Selain itu, bayaran tambahan sebanyak RM500 akan disalurkan kepada penerima sedia ada GKP 1.0/ 2.0/ 3.0 pada bulan Julai 2021 di bawah pakej PEMERKASA+.

Rentetan itu, GKP 4.0 telah diumumkan pada Jun 2021 dibawah pakej PEMULIH. Komitmen dan usaha Kerajaan menyokong sektor perniagaan khususnya PKS dan Mikro dapat dilihat apabila Kerajaan bersetuju menyalurkan bantuan kepada lebih 1 juta PKS dan Mikro bagi meringankan beban kewangan mereka dalam mengharungi tempoh yang masih mencabar. Inisiatif ini melibatkan penerima sedia ada GKP 1.0, GKP 2.0, GKP 3.0 dan penerima baharu GKP 4.0, dengan implikasi kewangan sebanyak RM500 juta. Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan kepada lebih 1 juta PKS mikro di bawah GKP semenjak COVID-19 melanda negara adalah RM6.08 bilion. Kerajaan memberi keutamaan kepada pemain industry PKS ini kerana mereka merupakan antara sektor yang paling terjejas sepanjang pandemik COVID-19 dan adalah penting untuk memastikan kelestarian perniagaan mereka terus berdaya saing pada masa ini.

Sebagai tambahan, Kerajaan juga memperkenalkan **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Setakat 11 Jun 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM12.14 bilion yang akan memberi manfaat kepada 25,711 PKS. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES)* dan *Agrofood Facility (AF)*.

PAKEJ PRIHATIN PKS (TAMBAHAN)

10BILION BAGI MEMBANTU PKS

Bantuan sewa seperti pemberian diskain atau pengecualian bayaran sewa untuk peniaga runcit PKS di premis yang dimiliki oleh syarikat berkaitan Kerajaan sekurang-kurangnya semasa waktu PKP dan **3 bulan** selepas PKP. Pemilik bangunan atau ruang perniagaan yang memberikan pengurangan atau pelepasan sewa kepada penyewa premis perniagaan yang terdiri daripada PKS diberi potongan cukai tambahan bersamaan dengan amanu pengurangan sewa tersebut bagi bulan April 2020 sehingga Jun 2020.

(Nota: Potongan cukai tambahan ini diberikan tertakluk kepada syarat pengurangan sewa hendaklah sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa asal bagi tempoh tersebut.)

- Mansuhkan kadar faedah **2%** kepada **0%** untuk Skim Kredit Mikro berjumlah **RM500 juta** di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).
- Kadar faedah **0%** untuk skim pinjaman mudah kepada syarikat mikro di bawah TEKUN Nasional dengan had maksimum pinjaman **RM10,000**.

(Nota: Permohonan hanya boleh memilih salah satu kerudungan sama ada dari BSN atau TEKUN/Nasional.)

Subsidi upah selama **3 bulan** kepada pekerja tempatan berjaya sehingga **RM4,000** sebulan sebanyak:

RM1,200 setiap pekerja bagi perusahaan mempunyai sehingga 75 pekerja	RM800 setiap pekerja bagi syarikat mempunyai 76 hingga 200 pekerja	RM600 setiap pekerja bagi syarikat mempunyai lebih 200 pekerja
---	--	--

*Tertakluk kepada termasuk syarat

DKN 2020 **PrihatinPKS+** **OfficialMEDACMalaysia** **officialmedmalaysia** **MEDACMalaysia** **www.medac.gov.my**

JUMLAH KESELURUHAN GKP

RM6.1 bilion

Komitmen Kerajaan Untuk Memastikan Kelangsungan Perniagaan

GKP	Tarikh	Peruntukan (RM)	Kadar (RM)
Prihatin			
Prihatin PKS*			
penjana			
KitaPrihatin			
GKP 1.0 & 2.0	Apr 2020 → Dis 2020	2.7 bilion	3,000
GKP Tambahan	Jan 2021 → Mac 2021	900 juta	GKP Sabah GKP Negeri PKP GKP Bulan PKP (Sarawak)
GKP 3.0	Jan 2021 → Jul 2021	1.5 bilion	1,000 1,000 500
GKP 4.0	Sep 2021 → Nov 2021	1 bilion	500 September 500 November 500
PEMERKASA			
peMulih			

Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM600 juta **Pembentangan Sektor Pelancongan PENJANA** bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan penularan COVID-19. Setakat 11 Jun, terdapat 669 permohonan bagi pembentangan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak 331 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pembentangan sebanyak RM65.9 juta. Demi memastikan kelestarian perusahaan PKS, Kerajaan juga memberikan beberapa sokongan kepada PKS seperti:

- **Sokongan Penggunaan Teknikal Dan Digital Bagi PKS Dan Syarikat Di Peringkat Pertengahan (MTC).** Setakat 11 Jun, RM67.7 juta telah disalurkan kepada 13,870 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.
- **Sokongan Bagi Industri Pertanian Dan Makanan.** Pembentangan bernilai RM400 juta telah diperuntukkan bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembentangan Mikrokredit Agrobank. Setakat 11 Jun, sebanyak RM161.46 juta telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan 13,229 PKS Mikro pertanian. Jaminan makanan (*food security*) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Penjana dan juga Belanjawan 2021.
- **Sokongan Bagi Sektor Seni, Budaya Dan Hiburan.** Bagi Inisiatif Pemuliharan CENDANA, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta yang dijangka akan memanfaatkan 3,000 penerima daripada kalangan seniman dan organisasi di dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Setakat 11 Jun, sebanyak RM3.98 juta telah disalurkan kepada 518 penerima.

Maka dengan bantuan-bantuan dan inisiatif-inisiatif dari kerajaan sepanjang tempoh pandemik ini melanda negara melalui agensi-agensi yang telah dilantik secara langsung dan tidak langsung dapat memberi ruang dan peluang untuk meneruskan kelestarian perniagaan terutama kepada sektor PKS dalam menjana pendapatan serta terus bertahan dan berdaya saing. Pada masa yang sama, kesungguhan dan kecekapan perniagaan PKS dalam meneraju dan membuat analisis perancangan pelan perniagaan secara lebih teratur, efisien dan kos efektif amat dititikberatkan dalam memastikan produktiviti maksimum dapat dicapai.



KEWANGAN & PELABURAN

MATA WANG KRIPTO

APA YANG PERLU KITA TAHU

Nooraza Binti Tukiran dan Maziah Mohammad Arif



EVOLUSI mata wang berubah dari zaman dahulu sehingga hari ini. Ianya bermula dengan penggunaan daripada barang kulit kerang, besi, emas, perak, kertas dan sebagainya. Seiring dengan perkembangan teknologi di zaman moden ini timbul pula mata wang kripto yang popular dan dikatakan mudah serta senang diterima pakai dalam transaksi digital.

Mata wang kripto ini berfungsi sebagai wang alternatif kepada wang fiat yang mana wang fiat adalah mata wang yang tidak memiliki nilai intrinsik dan ditetapkan sebagai tender sah oleh peraturan pemerintah. Contoh wang fiat adalah wang kertas yang digunakan di kebanyakan negara di dunia ini. Jika mata wang fiat sedia ada dikelolakan oleh Bank Pusat, mata wang kripto ini berdiri sendiri di mana ia tidak dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa pusat dan tiada campur tangan daripada kerajaan. Ini menjadikan ia sukar untuk dimanipulasi oleh Bank Pusat atau termanipulasi disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor ekonomi dan geopolitik.



Jenis-jenis Mata Wang Kripto

Terdapat lebih daripada 5000 jenis mata wang kripto yang wujud sehingga tahun 2021. Kebanyakannya mempunyai jumlah dagangan yang kecil, tetapi sesetengahnya memiliki populariti yang tinggi dan menarik minat pelabur untuk membuat pelaburan terhadap mata wang kripto ini. Empat jenis mata wang kripto yang paling popular dan paling biasa digunakan adalah seperti berikut:

- 1. Bitcoin (BTC)** – Bitcoin dicipta pada tahun 2008 oleh individu atau kumpulan yang tidak dikenali yang menggunakan nama Satoshi Nakamoto. Mata wang ini mula digunakan pada tahun 2009 apabila ia dilancarkan sebagai perisian sumber terbuka. Menurut kajian yang dibuat oleh *Universiti Cambridge* terdapat kira-kira 5.9 juta pengguna unik yang menggunakan *Bitcoin* pada tahun 2017.
- 2. Bitcoin Cash (BCH)** – Bitcoin cash merupakan antara mata wang kripto yang paling popular dan mula diperkenalkan penggunaannya pada tahun 2017. Perbezaannya dengan *Bitcoin* adalah saiz bloknya yang berukuran 8MB berbanding saiz blok *Bitcoin* yang asal iaitu hanya 1MB. Kelajuan pemprosesannya yang lebih cepat adalah kelebihan bagi mata wang kripto jenis ini.
- 3. Ethereum (ETH)** – Mata wang kripto jenis ini diperkenalkan pada tahun 2013 oleh Vitalik Buterin, seorang pengaturcara Rusia-Canada. Selepas *Bitcoin*, ia adalah mata wang kripto kedua terbesar dalam pasaran dan Ethereum merupakan rangkaian blok (*blockchain*) yang paling aktif digunakan oleh pengguna.
- 4. Litecoin (LTC)** – Charlie Lee, seorang bekas pekerja Google bertanggungjawab sebagai individu yang mencipta Litecoin pada tahun 2011. Litecoin adalah salah satu altcoin pertama di pasaran. Litecoin ini menjadi alternatif kepada *Bitcoin* yang terawal. Secara teknikalnya, Litecoin adalah hampir sama dengan *Bitcoin*, namun demikian cirinya telah dipertingkatkan di mana yuran yang lebih rendah dikenakan kepada pengguna dan ianya mengambil masa transaksi yang lebih pendek.

Kebaikan dan Keburukan Mata Wang Kripto

Dengan perkembangan teknologi yang semakin moden dan lebih sofistikated penggunaan mata wang kripto di seluruh dunia juga semakin meningkat dan meluas. Namun demikian dengan keterujaan menggunakan mata wang kripto ini kita juga harus mengambil tahu tentang kebaikan dan keburukan penggunaannya berbanding dengan mata wang biasa.

Di antara kebaikan mata wang kripto adalah penggunaannya adalah selamat dan sulit yang mana privasi dan keselamatan merupakan keutamaan mata wang ini. Lejar rangkaian blok (*blockchain*) adalah berdasarkan teka-teki matematik berbeza yang hampir mustahil untuk dinyahkodkan. Ini menjadikannya lebih selamat berbanding transaksi kewangan elektronik yang lain.

Di samping itu, mata wang kripto ini mempunyai ciri perlindungan daripada inflasi. Inflasi menyebabkan nilai mata wang biasa menjadi semakin merosot. Namun demikian, hampir semua mata wang kripto ini dilancarkan dengan jumlah yang tetap pada masa pelancarannya. Sebagai contoh, di seluruh dunia hanya ada 21 juta *Bitcoin* sahaja yang dikeluarkan yang mana kod sumbernya akan menentukan jumlahnya. Oleh yang demikian, apabila permintaannya meningkat, maka nilainya juga akan meningkat mengikut pasaran dan inflasi mampu dikekang dalam jangka masa yang panjang.





Selain daripada itu, ia menyediakan kaedah urus niaga yang menjimatkan. Salah satu kegunaan utama mata wang kripto ini adalah untuk membuat pemindahan wang ke mana sahaja walaupun merentasi sempadan di mana anda tidak memerlukan pihak ketiga seperti Visa atau Paypal untuk mengesahkan transaksi. Jadi, yuran transaksi yang perlu dibayar oleh pengguna dikurangkan ke jumlah yang sangat rendah ataupun tanpa caj.

Kebaikan yang berikutnya adalah kaedah pertukaran mata wang yang mudah. Mata wang kripto boleh diperdagangkan menggunakan pelbagai mata wang lain seperti Dollar US, Euro Eropah, Pound Britain, Yen Jepun dan lain-lain lagi. Dengan menggunakan pertukaran digital, satu mata wang boleh ditukar menjadi yang lain, merentasi dompet digital yang berbeza dengan yuran transaksi yang minimum.

Seterusnya adalah penggunaan mata wang kripto ini dianggap terjamin. Secara teknikalnya, aset digital anda tidak boleh dibekukan dan dirampas oleh mana-mana pihak termasuk pihak berkuasa. Melainkan pihak tersebut mempunyai akses atau kawalan ke atas kunci persendirian (*private key*) dompet digital anda.

Akhir sekali kebaikannya adalah kaedah pemindahan wang yang pantas. Mata wang kripto ini dianggap sebagai penyelesaian terbaik dan optimum untuk transaksi pemindahan wang. Ini adalah kerana ia memerlukan masa yang pendek kerana hanya sedikit sahaja proses pengesahan yang perlu dilalui.

Manakala keburukan mata wang kripto ini adalah seperti berikut. Pertamanya, mata wang kripto boleh memberi kesan terhadap alam sekitar melalui aktiviti perlombongan. Perlombongan mata wang kripto memerlukan penggunaan tenaga elektrik yang banyak. Di samping itu, aktiviti ini juga memerlukan banyak kuasa pengiraan (*computational power*) kerana ia tidak dapat dilakukan dengan menggunakan komputer biasa. Contoh negara pelombong *Bitcoin* yang utama adalah negara China yang menggunakan arang batu untuk menghasilkan elektrik. Ini telah mengakibatkan peningkatan karbon di China dan secara langsung telah menjaskan alam sekitar.

Mata wang kripto mudah digunakan untuk transaksi haram. Privasi dan keselamatan transaksi mata wang kripto adalah tinggi. Oleh kerana itu, sukar bagi kerajaan untuk mengesan mana-mana pengguna dengan alamat dompet digital mereka atau mengawasi data mereka. *Bitcoin* telah digunakan sebagai kaedah pertukaran wang dalam banyak transaksi haram. Contohnya, aktiviti pembelian senjata atau dadah di laman web gelap dan juga aktiviti mencuci wang haram.

Keburukan yang berikutnya adalah kehilangan data boleh menyebabkan kerugian kewangan. Pembangun ingin mencipta wang kripto yang benar-benar selamat. Oleh itu, mereka menggunakan kod sumber yang tidak boleh dikesan, mempunyai sistem pertahanan serta protokol pengesahan yang tidak boleh ditembusi. Sekiranya anda berhadapan dengan masalah kehilangan kunci peribadi (*private key*) untuk membuka dompet digital anda, perkara buruk yang akan terjadi adalah anda tidak akan mendapatkannya kembali. Semua mata wang anda akan kekal terkunci di dalamnya dan ini akan mengakibatkan kerugian yang besar.

Seterusnya ialah mata wang kripto boleh digodam oleh individu lain. Walaupun mata wang jenis ini sangat selamat, tetapi proses pertukarannya tidak begitu selamat. Kebanyakan pusat pertukaran menyimpan maklumat dompet digital penggunaannya untuk melancarkan pertukaran dengan cepat dan tepat. Namun, data ini boleh dicuri oleh penggodam dan memberikan mereka akses ke banyak akaun-akaun yang lain.

Keburukan terakhir adalah tiada polisi pembayaran semula atau pembatalan sekiranya terdapat perselisihan di antara dua pihak. Selain daripada itu wang anda tidak akan dapat diambil semula jika berlaku kesilapan penghantaran wang ke alamat dompet yang salah. Ini boleh digunakan oleh *scammer* untuk menipu orang awam. Kesilapan transaksi ke atas barang atau perkhidmatan yang mungkin mereka tidak akan terima akan berlaku disebabkan tiada pembayaran semula.

Kesimpulan

Mata wang kripto sudah mula diterima oleh orang awam dengan menjadikannya sebagai harta alternatif kepada emas dan wang simpanan. Orang awam mula mempercayai tentang perkembangan mata wang kripto yang menjadi salah satu asset digital yang bernilai. Selain daripada itu seperti mata wang yang biasa, mata wang kripto juga sama kerana tiada mata wang yang selamat secara total untuk digunakan. Ia terdedah kepada ralat dan penggodaman (*hacking*). Ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti masalah penggodaman, kesilapan manusia dan tiada cara yang sempurna untuk mencegah gangguan teknikal.

Rujukan:

- <https://azmirshah.com/apa-itu-mata-wang-kripto/>
- <https://www.sumberilmiah.com/teknologi/apakah-mata-wang-kripto-serta-kelebihan-dan-kekurangannya/>
- <https://theoutlook.asia/cryptocurrencies-mata-wang-digital/>
- <https://newssetup.kontan.co.id/news/ada-bitcoin-ethereum-degocoin-dll-ini-penjelasan-dan-jenis-mata-uang-kripto>



MEDIA SOSIAL

TREND PEMASARAN DAN LUBUK DUIT

Nur Alia Amirnordin, Hilwana Abd Karim, Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman,
Norhaniza Md. Akhir, Dr. Nurazilah Zainal, Zarifah Fadilah Ramli dan Iskandar Ariffin

Dapat duit melalui media sosial? Jadi jutawan guna media sosial? Rezeki muncurah-curah kalau guna media sosial? Itu adalah antara persoalan masyarakat terhadap penggunaan media sosial pada masa kini. Facebook, Instagram, Youtube dan Tik Tok antara platform media sosial yang sedang trend di kalangan masyarakat dunia termasuk Malaysia. Dunia kini memerlukan media sosial sebagai cabang utama sumber pendapatan manusia yang mudah di hujung jari. Tidak kira golongan muda atau tua, teknologi ini mampu mengubah cara mencari rezeki dengan lebih mudah dan cepat.

Jual makanan menggunakan Instagram, bersiaran langsung di Facebook mempromosikan baju, guna Youtube buat demonstrasi masakan, menyanyi, menari dan pelbagai cara dilakukan di media sosial untuk menarik minat pelanggan untuk melihat, memberi respon dan seterusnya membeli produk tersebut. Mari kita lihat dan amati beberapa individu yang menjadi luar biasa dengan menjadikan media sosial lubuk duit dalam kehidupan mereka.


1. Marques Brownlee (YouTube)

Pemuda berusia 26 tahun dari New Jersey ini mempunyai lebih daripada 13 juta pelanggan dan 700 juta tontonan di saluran Youtubanya MKBHD. Brownlee menuntut di Stevens Institute of Technology dan salurannya adalah tentang teknologi. Minat beliau dalam mengulas pelbagai jenis gadjet seperti jenis-jenis komputer, telefon pintar, kamera dan banyak lagi telah mendorong beliau untuk lebih serius dan aktif di saluran Youtubanya. Beliau juga pernah diberi peluang dan kepercayaan untuk mewawancara beberapa selebriti terkenal seperti Barack Obama dan Elon Musk (Forbes, 2021).



2. Addison Rae Easterling (Tik Tok)

Menurut majalah Forbes, penari berusia 20 tahun ini sebagai TikToker yang berpendapatan paling tinggi setakat ini. Beliau sangat terkenal dengan video tariannya di TikTok dan telah berjaya mendapat kepercayaan untuk bekerjasama dengan beberapa jenama antarabangsa seperti Reebok, American Eagle, dan jenama jam tangan Sweden Daniel Wellington. Kebanyakan video TikToknya juga turut disertai oleh ahli keluarga termasuk ibu dan ayahnya.



Dua figura di atas mungkin kurang dikenali di Malaysia tetapi mereka telah tersenarai antara bintang yang menjana pendapatan lumayan di platform media sosial masing-masing. Tidak kurang hebatnya rakyat Malaysia yang berjaya mencipta nama dan mengubah nasib diri dan keluarga hanya menggunakan media sosial sebagai lubuk emas. Tidak pernah dikenali sebelum ini dan kini antara mereka telah menjadi ikon dan perkembangan mereka sentiasa diikuti di media sosial. Antaranya:

3. Che Nom (Youtube)

Menurut akhbar Malay Mail, vlogger makanan Malaysia Che Nom yang terkenal dengan resipi Melayu yang mudah diikuti telah menerima satu juta pelanggan di saluran YouTube. Jurutera bersara bernama Norma Bakar telah menerima *Gold Play Button* dari YouTube atas pencapaian tersebut. Beliau yang berusia 39 tahun telah memulakan perjalanan YouTubanya pada 2012 selepas dia memutuskan untuk bersara awal daripada syarikat telekomunikasi dan seterusnya menjadi vlogger sepenuh masa. Minat Che Nom dalam bidang masakan juga disokong oleh suaminya yang akan membantu dalam rakaman video memasak.

Personaliti popular itu sebelum ini mendedahkan pendapatannya menerusi satu video yang dimuat naik dua tahun lalu telah mengejutkannya. Che Nom berkata, resepi Ayam Mentega yang disiarkan pada Julai 2019 telah menjana pendapatan sebanyak RM7,762. Seiring minat Che Nom dalam bidang masakan dan berkongsi minatnya dalam Youtube, beliau bergerak lebih aktif dalam menghasilkan video-video masakan yang lebih menarik dan mudah difahami oleh pengikut-pengikutnya. Kini, Youtube menjadi cabang utama pendapatan beliau sekeluarga. (Sumber: Melanie Chalil, Malay Mail, 5 Feb 2021)



4. Khairul Aming (Instagram)

Khairul Aming terkenal dengan slot ‘30 Hari 30 Resipi’ bulan Ramadhan di Instagram miliknya yang berjaya meraih 3.2 juta pengikut. Jumlah pengikutnya di Instagram bertambah, kesan daripada idea bernasnya berkongsi video resepi masakan mudah yang kebanyakannya berdurasi 1 minit. Video masakannya juga dikatakan unik, ringkas dan lain daripada yang lain kerana kepintarannya menyelitkan unsur drama serta komedi yang membuatkan penonton terhibur. Bermula dengan hanya 500 pengikut di Instagram pada tahun 2018, kini nama Khairul Aming melonjak naik di media sosial tersebut dengan video-video masakan yang ringkas dan cepat untuk tatapan semua.

Menurut laman sesawang akhbar The Star, beliau menyatakan cabaran dalam menghasilkan video adalah memperkenalkan resepi mudah, video yang menarik dan plot video yang mudah diikuti. Untuk merealisasikan matlamatnya, dia dibantu oleh pasukan kreatif yang ditubuhkannya sendiri. Khairul Aming juga telah mendokumentasikan perjalanananya ke arah gaya hidup yang lebih sihat, dengan mengetengahkan video resipi sihat dan senaman yang diamalkan oleh beliau.

Kemuncak kepada perkongsianya di Instagram, beliau kini bergelar usahawan ‘Sambal Nyet’ yang sangat popular di platform e-dagang Shopee. Hasil olahan resepinya, beliau telah memperkenalkan produk ‘Sambal Nyet’ dengan menggunakan Instagram dan maklum balas dari pembeli sangat mengagumkan. Menurut beliau lagi, jualan sambalnya secara



dalam talian menerima permintaan yang sangat tinggi sehingga beliau perlu menambah fasiliti pengeluaran dan mewujudkan slot masa tertentu untuk pembelian sambalnya di Shopee. Tahun lalu sahaja ‘Sambal Nyet’ telah merekodkan jualan 10,000 botol pertama dijual dalam masa hanya 54 minit. (Sumber: Xiao Tong, The Star, 13 April 2021).

Individu-individu hebat di atas telah memperlihatkan trend media sosial seperti Youtube, TikTok dan Instagram dalam memperkembangkan bakat, minat dan berkongsi citarasa. Situasi ini telah menjuruskan mereka ke bidang perniagaan yang kini menjadi lubuk mata pencarian mereka.

Digital ekonomi merujuk kepada aktiviti dan urus niaga yang didorong oleh sektor awam dan swasta serta warga negara untuk menghasilkan, mengadopsi dan menginovasi teknologi dan perkhidmatan digital berkaitan dengan fungsi sosio-ekonomi untuk peningkatan kekayaan, produktiviti dan kualiti hidup.

- Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)



TEKNOLOGI

Digital Ekonomi

Zaidatulhusna Mohd Isnani, Norhaniza Md Akhir, Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman, Dr. Nurazilah Zainal, Hilwana Abd Karim, Nur Alia Amirnordin dan Zarifah Fadilah Ramli



Perkataan digital ekonomi tidak asing lagi pada masa kini. Digital ekonomi dikaitkan dengan teknologi pengkomputeran digital. Ia adalah semua aktiviti ekonomi yang dijalankan menggunakan teknologi. Digital ekonomi memberi impak positif kepada sosio ekonomi negara di mana setiap urusan perniagaan, pemprosesan, servis dan lain-lain dijalankan dengan menggunakan teknologi terkini. Pelbagai pihak telah mengambil peluang ke atas kewujudan digital ekonomi kerana yakin terhadap kesannya yang mampu menguasai pasaran yang lebih luas tanpa mengira lokaliti dan juga latar belakang pasaran sasar. Ekoran daripada ini banyak syarikat dan agensi kerajaan mampu mencapai efisiensi dan produktiviti yang lebih tinggi. Jika dilihat dari hasil pendigitalan ekonomi, banyak syarikat dapat menyediakan peluang pekerjaan di samping mencapai "economies of scale" dan juga membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Asean adalah antara negara yang mengecapi pertumbuhan digital ekonomi yang tinggi di dunia. Ia bertambah rancak apabila dunia di landa pandemik COVID-19 di mana semua urusan jual beli dan servis dijalankan secara atas talian. Contoh platform yang sering digunakan individu adalah aplikasi Food Panda, Grab, Shopee, Lazada, Amazon, Alibaba, DHL, J&T dan lain-lain. Bagi syarikat-syarikat besar, mereka lebih menggunakan *Big Data*, Fintech dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat penting untuk pertumbuhan dan perkembangan syarikat.

Digital ekonomi adalah hasil dari digital teknologi di mana ia menyediakan tapak asas (platform) bagi menjalankan perniagaan dan servis. Antara asas digital ialah gabungan antara inovasi teknikal, model baru perniagaan dan keunikan produk atau servis. Penggunaan telefon pintar, Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IOT) dan Big Data memudahkan lagi transaksi jual beli sekaligus memudahkan urusan setiap individu dan juga syarikat. Rata-rata jika dilihat sekarang semua perniagaan dan agensi kerajaan menggalakkan dan

menggunakan pembayaran secara elektronik atau juga dikenali sebagai pembayaran tanpa tunai (*cashless*). Cara pembayaran tanpa tunai boleh dibuat melalui aplikasi yang disediakan seperti FPX, JomPay, My Debit dan Direct Debit. Bermula dari pembayaran tunai di kedai-kedai, bil utiliti, tol plaza dan pengisian minyak kini telah beralih kepada bayaran tanpa tunai. Ini amat bersesuaian dengan keadaan semasa pandemik Covid 19 bagi mengelakkan jangkitan dan penularan virus di kalangan masyarakat. Selain dari itu, pembayaran tanpa tunai juga boleh mengurangkan risiko yang tidak diingini seperti kekeliruan, salah laku dan rompakan di samping ia juga dapat menjimatkan masa.

Digital ekonomi juga menyediakan informasi dan data-data bagi menyokong agensi dan syarikat-syarikat dalam membangunkan perniagaan mereka. Selain menyediakan data-data dan maklumat penting digital ekonomi juga dapat merangsang pertumbuhan KDNK negara.

Jika dilihat secara keseluruhan, Malaysia menunjukkan kadar pertumbuhan yang memberansangkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.0% setahun. Ini menunjukkan sasaran pertumbuhan yang baik kepada asas ekonomi Malaysia yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang sihat ianya dapat diperkuahkan sejajar pada Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) yang lebih memberi penekanan terhadap inisiatif kemakmuran berdasarkan tiga tonggak utama iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampunan alam sekitar dan kerekayasaan sosial.

Tonggak utama dalam RMK-12 adalah memperkasaan ekonomi negara yang mencakupi segala sumber diperoleh dalam penyertaan bidang-bidang baharu termasuklah Revolusi Perindustrian 4.0, ekonomi digital, industri aeroangkasa dan pembangunan wilayah bersepadu serta memboleh pertumbuhan yang pesat seperti sumber tenaga dan infrastruktur.

Sejak dengan itu, cabaran utama negara masa kini adalah berdepan dengan pandemik Covid-19 yang memberi impak terhadap keseluruhan isi negara termasuklah sektor perniagaan dan pembuatan serta pertambahan kuasa beli rakyat yang seiring dengan pertumbuhan bidang baharu iaitu seperti industri digital. Oleh itu, dalam mengekalkan Malaysia sebagai model utama ekonomi di rantau Asia, Malaysia perlu menyasarkan pertumbuhan dan perkembangan dalam negara dengan menjana pelaburan swasta yang seiring dengan usaha menghadapi Revolusi Perindutsrian Keempat (IR4.0). Sehubungan itu, peranan industri teknologi digital lebih terserlah dalam mencapai dan menghadapi cabaran norma baharu yang memperlihatkan perubahan gaya hidup masyarakat Malaysia sama ada dari segi komunikasi, pendidikan, perniagaan dan penjagaan kesihatan sekaligus merubah corak ekonomi Malaysia yang lebih ke arah industri pendigitalan.



Keupayaan masyarakat Malaysia di dalam keadaan norma baharu ini dengan bertindak merebut segala peluang terutamanya bagi bidang teknologi yang menjurus kepada model perniagaan inovatif lebih memainkan peranan yang penting sekaligus memacu tonggak utama pertumbuhan ekonomi negara ke arah yang produktif dan berdaya saing. Agenda kerajaan memacu masyarakat Malaysia dengan menyediakan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dapat memperbaiki kehidupan setiap rakyat dari segala aspek. Antaranya pelan mempertingkatkan literasi digital terhadap halatuju transformasi model perniagaan yang mampu memberi persaingan yang sihat dalam sektor perniagaan di pentas global dengan memantapkan kelancaran dan kecekapan operasi. Dengan adanya inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pelbagai model perniagaan baharu dapat dicambah antaranya model perniagaan tanpa modal yang hanya berpaksikan promosi (marketing) menggunakan sosial media atau platform pemasaran dalam pelbagai bentuk bagi mengukuhkan pasaran.

Perniagaan tanpa modal adalah sebahagian aktiviti yang mendapat sambutan di kalangan kaum wanita terutamanya suri rumah sebagai inisiatif MyDIGITAL yang juga merangkumi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia pelengkap dasar pembangunan dalam RM Ke-12 dengan menggalakkan sebanyak 875,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana terlibat dengan aktiviti E-dagang. Ini dapat dilaksanakan dengan bantuan inisiatif JENDELA bagi membantu sektor perniagaan di Malaysia dengan penyediaan infrastruktur yang meliputi rangkaian lebih meluas dan kualiti jalur lebar yang lebih baik terhadap rakyat ke arah 5G sebagai peningkatan dalam kesalinghubungan dan komunikasi yang mampan terutamanya bagi membantu dalam pemulihan PKS dan B2B negara.



UMUM

EPIDEMIK, ENDEMIK DAN PANDEMIK

Fahami Perbezaannya

Dr. Jamilah Mohd Mahyideen, Hafisah Yaakob , Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli dan Dr. Wan Normila Mohamad

PENGENALAN

PERKATAAN epidemik, endemik dan pandemik mula menjadi sebutan dalam kalangan masyarakat di Malaysia sejak kemunculan virus Coronavirus (COVID-19) pada tahun 2020. Wabak COVID-19 yang melanda negara kita bukan satu-satunya penyakit yang mempengaruhi dunia pada skala global. Susulan penularan COVID-19 yang semakin membimbangkan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengkategorikan COVID-19 sebagai pandemik. Walaubagaimanapun, COVID-19 belum dicatat dalam sejarah sebagai pandemik yang terburuk. Situasi terkini COVID-19 di Malaysia sehingga 15 Oktober 2021 menunjukkan wabak ini telah menjangkiti 2,379,466 orang dan mengakibatkan 27,858 kematian. Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan Malaysia bakal memasuki fasa endemik COVID-19 bermula hujung Oktober 2021. Epidemik, endemik dan pandemik mempunyai sebutan yang hampir sama. Namun begitu, tiga terma ini membawa maksud yang berbeza. Apakah perbezaan antara epidemik, pandemik dan epidemik?.



EPIDEMIK

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menggambarkan epidemik atau sering disebut wabak sebagai penyakit berjangkit yang mudah merebak di kawasan geografi tertentu pada waktu yang sama. Epidemik berlaku apabila ramai dalam kalangan sesuatu populasi yang mendapat penyakit. Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa. Ia adalah wabak yang menyerang sekumpulan manusia atau komuniti.

Insiden penyakit tersebut melampaui bilangan jangkitan endemik. Ia juga berlaku di banyak kawasan dan melanda secara tiba-tiba. Terma ini digunakan sekitar tahun 1600 apabila berlakunya wabak dalam kelompok komuniti membabitkan orang Greek dan istilah itu masih kekal sehingga hari ini. Demam denggi dan demam kepialu adalah antara contoh penyakit epidemik kerana ia berlaku di beberapa tempat. Selain itu, wabak epidemik yang pernah melanda negara kita ialah serangan virus nipah yang menyerang komuniti di daerah Kinta, Perak pada tahun 1998.

PANDEMIK

Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop yang lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Wabak ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, wilayah, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat. Kebiasaannya, pandemik melibatkan jangkitan penyakit baru. Untuk mengenali ciri ciri pandemik, ianya melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Pandemik bermula daripada penularan wabak di peringkat epidemik yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi. Jangkauan geografi yang luas inilah yang menyebabkan pandemic lalu mengakibatkan gangguan sosial, kerugian ekonomi, dan kesulitan umum secara besar-besaran. Perlu diketahui sekiranya sesuatu wabak itu berada pada peringkat endemik dan menyerang satu negara misalnya, tetapi berada dalam keadaan terkawal, wabak itu tidak akan dikategorikan sebagai satu pandemic. Krisis Koronavirus (COVID-19) yang menghantui seluruh negara ketika ini telah diklasifikasikan sebagai penularan wabak pandemik oleh WHO selain penyakit seperti HIV/AIDS.

ENDEMIK

Endemik adalah wabak penyakit yang berlaku secara konsisten tetapi terhad pada kawasan tertentu. Ia merupakan kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat dan dapat diramalkan. Penyakit yang dikategori sebagai endemik sentiasa wujud kes tetapi pada kadar yang stabil dan rendah. Contoh penyakit yang sentiasa ada ataupun endemik di Malaysia adalah penyakit Tangan Mulut dan Kaki (HFMD) di negeri Sarawak. Denggi dikenali sebagai sesuatu penyakit yang endemik di Asia Tenggara. Di peringkat antarabangsa pula, penyakit polio adalah endemik di tiga (3) buah negara di dunia iaitu Afghanistan, Nigeria dan Pakistan. Penyakit malaria yang menyerang kawasan kawasan di benua Afrika satu ketika dulu adalah antara endemik yang mengancam dunia. Endemik lain yang tercatat dalam sejarah termasuk penyakit demam kuning di Congo, wabak bubonik di Madagascar, wabak demam kuning dan demam denggi di Peru. Penyakit yang dikenal pasti endemik tidak semestinya kekal endemik. Program kawalan penyakit seperti pemvaksinan, pendidikan masyarakat dan sebagainya bertujuan untuk mengurangkan seterusnya menghapuskan penyakit endemik tersebut. Contoh penyakit endemik yang berjaya dihapuskan adalah seperti malaria dan demam campak di Amerika Syarikat; dan polio di Malaysia.



LIMA PANDEMIK ANTARA DALAM LIPATAN SEJARAH

Terdapat beberapa wabak penyakit yang telah berlaku dan menggemparkan seluruh dunia. Berikut disenaraikan lima pandemik yang pernah menyerang penduduk dunia dalam skala yang besar dan kekal dalam lipatan sejarah.

Kematian Hitam



Mendahului plot sejarah pastinya tragedi The Black Death (penyakit Bubonic Plague yang berkaitan dengan bakteria kutu yang hidup di celah bulu tikus) yang berlaku selama lima (5) tahun dipercayai bermula pada sekitar tahun 1346-1353. Wabak misteri itu telah menyebabkan kehilangan 200 juta nyawa di China, India, Iran, Rusia, England, Perancis, Mesir, Jerman, Itali dan beberapa negara Eropah Timur. Mangsa korban Maut Hitam atau ‘Black Death’ ini meliputi lebih separuh dari jumlah populasi warga Eropah. Ia berpunca daripada sejenis bakteria dikenali ‘Yersinia pestis’ yang dipercayai sudah pupus pada zaman ini dan disebarluaskan oleh bakteria kutu yang hidup di celah bulu tikus. Dianggapkan Black Death membunuh antara 17% dan 45% dari seluruh penduduk dunia. Di antara tanda tanda pesakit dilanda wabak ini adalah apabila mereka menunjukkan gejala-gelaja seperti tempelan hitam yang tumbuh pada kulit yang kemudian bernanah sehingga mengeluarkan darah.

Wabak Justinian



Wabak Justinian dipercayai tersebar pada tahun 541 Masehi. Ianya telah menyerang ibu kota Kerajaan Byzantine yang kini menjadi Kota Istanbul di Turki. Jumlah kematian akibat wabak yang telah menyerang pusat pentadbiran Empayar Byzantine ini masih menjadi perdebatan. Walau bagaimanapun, ramai mempercayai bahawa ia berpunca daripada kehadiran tikus hitam yang berkeliaran dalam kapal yang datang dari Mesir ke sebuah pekan pelabuhan bernama Pelusium melalui Laut Mediterrania. Wabak ini dipercayai telah tersebar ke Eropah, Asia, Afrika Utara, dan Semenanjung Arab sehingga mengakibatkan kematian kepada 30-50 juta orang. Oleh kerana ia berlaku sekitar 541 tahun masehi (AD), banyak perkara yang tidak diketahui tentang wabak ini. Menurut sejarah, Maharaja Justinian juga turut dijangkiti wabak itu dan berjaya sembuh. Bagaimanapun, empayarnya jatuh dan lumpuh ketika wabak itu merebak.





Selsema Sepanyol

Satu lagi wabak penyakit besar adalah wabak influenza, yang popular disebut selsema Sepanyol. Wabak yang bertahan selama dua (2) tahun ini bermula pada tahun 1918 sehingga 1920 dan mengorbankan nyawa melebihi 40 juta mangsa.

Asal-usul penyakit ini bukan berasal dari Sepanyol walaupun diberi nama '*Spanish Flu*', sebaliknya, ketika kemunculan wabak itu, undang-undang penapisan akhbar Sepanyol agak longgar menyebabkan penyebaran maklumat terlalu bebas. Kesannya, penyakit itu salah anggap berpunca dari negara Sepanyol. Para pengkaji percaya virus flu Spanyol berasal dari burung, dan menular ke manusia secara langsung atau menggunakan babi sebagai perantara sebelum merebak ke manusia.

Virus Cacar

Wabak cacar air dikatakan bermula sejak zaman Empayar Mesir dan menyerang sekitar 56 juta penduduk dunia. Penyakit ini disebabkan oleh virus cacar air yang dikenali sebagai virus *Varicella* yang menjangkiti melalui udara apabila seseorang yang menghidap cacar air itu mengalami batuk atau bersin dan melalui cara menyentuh benda atau orang yang terinfeksi. Difahamkan, seseorang yang dijangkiti virus ini akan mengalami demam dan timbul ruam lepuh. Pada penyakit cacar, luka kecil yang akan terbentuk di seluruh tubuh, berisi cairan, berkeropeng, dan menyebabkan jaringan parut, kebutaan hingga kematian. Dengan kecanggihan teknologi perubatan moden, cacar air, bagaimanapun, mampu dicegah dengan vaksin.

AIDS (1981 – Sekarang)

Terma HIV adalah singkatan bagi ‘Human Immunodeficiency Virus’. Virus ini menyerang badan seseorang dan menyebabkan penyakit sindrom kurang daya tahan melawan penyakit atau AIDS dan kesannya memusnahkan sistem ketahanan badan. Menurut portal UNAIDS, sejak kes pertama direkodkan 35 tahun lalu, terdapat 78 juta mangsa dijangkiti HIV dan telah meragut 35 juta nyawa. Ditularkan melalui kontak dengan darah, air mani, atau air susu ibu dari orang yang terinfeksi. Para saintis percaya bahawa virus yang menyebabkan AIDS kemungkinan telah berkembang dari virus yang dijumpai pada ‘chimpanzee’ yang dipindahkan ke manusia di Afrika Barat pada tahun 1920-an. Menjelang akhir abad ke-20, virus ini telah tersebar di seluruh dunia.

RUJUKAN

1. Portal Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Fauzi Suhaimi (2020). Fahami perbezaan epidemik, endemik dan pandemik . Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>
3. Hidayah (2018). Epidemik, Endemik dan Pandemik – Dr Helmy Hazmi. Retrieved from <https://www.mmgazette.com/epidemik-endemik-dan-pandemik-dr-helmy-hazmi/>



PENULIS JEMPUTAN

EKONOMI JALANAN INTIPATI KESEJAHTERAAN EKONOMI RAKYAT

Siti Mariam Ali
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka



Umumnya, masyarakat biasa dimomokkan dengan stigma bahawa peniaga kecil-kecilan adalah peniaga yang tidak cukup sumber kewangan, miskin, tidak teratur, kurang bersih, tidak berlesen, dan pelbagai masalah lain. Namun, sedar atau tidak, gerai-gerai sebegini ada kesannya kepada ekonomi. Dari aspek ekonomi ia dikenali sebagai *Street Economy/Stall Economy*. Ekonomi jalanan ialah aktiviti pertukaran barang atau perkhidmatan yang biasanya dijalankan di kawasan awam, tepi jalan, kaki lima atau sudut-sudut kecil tertentu, premis sementara atau kawasan kejiranian.

